

Surah Yūsuf dari Lensa Dakwah dan Pendidikan: Kajian Analitikal

(Surah Yūsuf from the Lense of Da'wah (Advocacy) and Tarbiyah (Education): An Analytical Study)

Hassan Suleimān

Jabatan Fikah dan Usul Fikah

*Fakulti Abdulhamid Abū Sulayman Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

Fātimah Binti Karīm

Jabatan Fikah dan Usul Fikah

*Fakulti Abdulhamid Abū Sulayman Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

Abstrak

Allah telah mensyariatkan agama Islam demi menjamin kebahagiaan dan kebajikan manusia, serta menjadi pedoman dan faktor keselamatan di dunia dan akhirat. Allah juga telah mengutus para rasul, menurunkan kitab, agar manusia melaksanakan keadilan dalam setiap urusan dan perhubungan mereka. Termasuk dalam manifestasi rahmat Allah, Allah telah menjelaskan tentang dakwah dalam Kitab-Nya, “Beritahu mereka: Inilah jalanku, aku menyeru kepada Allah dengan petunjuk, begitu juga sesiapa yang menurutiku. Maha Suci Allah! Aku tidak termasuk dalam kalangan orang-orang musyrik” [Yusūf: 108]. Allah juga menerangkan berkenaan metodologi dakwah, “Serulah kepada jalan Tuhanmu, dengan kebijaksanaan, pesanan yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang lebih baik” [Al-Nahl: 125]. Selain itu, Allah juga menetapkan asas dakwah dalam firman-Nya, “Sesiapa yang menyeru sembah lain selain Allah, padahal tiada bukti baginya, maka perhitungannya kembali kepada Tuhan-Nya. Sungguh! Orang kafir tidak pernah berjaya” [Al-Mu'minun: 117]. Surah Yūsuf banyak menyentuh bicara berkenaan aspek dakwah dan pendidikan yang boleh dijadikan rumah api oleh para penggiat dakwah dalam menakhoda perjalanan dakwah mereka, menjadikan surah ini topik kajian yang wajar untuk diketengahkan. Antara persoalan yang menjadi objektif kajian ini adalah: Apakah tema-tema yang terdapat dalam surah ini? Bagaimanakah cara memaut hati sesama manusia? Apakah sisi terpenting dakwah dan pendidikan yang boleh dipelajari dari surah ini? Demi menjawab semua persoalan ini, pengkaji telah menggunakan kaedah deskriptif dan analitikal bagi menjelaskan tatacara istinbat metodologi dakwah dalam surah Yūsuf. Kajian ini menyumbang dalam bidang dakwah dan pendidikan melalui penemuan semula aspek-aspek dakwah dalam surah Yusuf. Antara dapatan terpenting kajian ini: Penceritaan merupakan metode pendidikan penting yang tidak boleh diabaikan; cerita di dalam al-Quran adalah kisah benar, bukan dongeng; para pendakwah sangat terdedah dengan ujian positif dan negatif; keperluan untuk berwaspada dengan fitnah wanita lebih-lebih lagi di era yang mencabar ini. Kajian mengusulkan kepada para ulama dan pendakwah untuk memberi penekanan terhadap kisah-kisah Qurani, kerana melalui kajian ekstrapolasi, terbukti kisah-kisah Qurani mendominasi sepertiga al-Quran.

Kata kunci: Dakwah, Kisah-kisah Quran, Pendidikan, Surah Yusuf

Abstract

To ensure human happiness and wellbeing, as well as to serve as a guide and security measure in both this life and the hereafter, Allah has decreed the religion of Islam. The messengers were also sent so that people could practice justice in their daily interactions and relationships. In the Holy Quran, Allah SWT explains what Da'wah (advocacy) is: “Say, ‘This is my way, O Muhammad SAW: based on convincing proof, I and averyone who follows me called people to God; praise be to Allah! I don’t associate anything with Allah” [Yusūf: 108]. Allah also explains the preaching (da'wah) methodology: “O Prophet, call to the way of your Lord with wisdom and goodly exhortation and argue with them in a better way” [Al- Nahl: 125]. Besides, Allah also established the basis of da'wah in His words: “Whoever invokes other worship besides Allah, even though there is no proof for him, then the rockoning returns to his lord, very! Infidels never succeed” [Al-Mu'minun: 117]. Surah Yusūf is a valuable study topic to be highlighted since it discusses a number of issues of education and da'wah that can be used by da'wah activists as a lighthouse to guide their da'wah journey. Among the questions that

Article Progress

Received: 02 August 2023

Revised: 16 August 2023

Accepted: 30 August 2023

are the objective of this study are: What are the themes found in this surah? How to connect the hearts of other people? What is the most important aspect of da'wah and education that can be learned from this surah? In order to answer all these questions, the researcher has used descriptive and analytical methods to explain the method of da'wah methodology in Surah Yusuf. By rediscovering elements of da'wah in surah Yusūf, this study makes a contribution to the fields of da'wah and education. Among the study's most significant conclusions: Preachers are heavily subjected to positive and negative testing; there is a need to be cautious about defaming women, especially in this contemporary era. Storytelling is an important instructional technique that cannot be ignored or overlooked. Finally, the study suggests that preachers and scholars emphasize the Quranic stories because extrapolation studies have demonstrated that the stories make up more than a third of the Qurān.

Keywords: Da'wah (advocacy), Education, Stories in Qurān, Surah Yūsuf

1. PENGENALAN

Segala puji bagi Allah yang telah berfirman: “Dan setiap kisah dari kisah para Rasul itu, Kami ceritakan kepadamu wahai Muhammad, untuk menguatkan hatimu dengannya” [Hud: 120], serta selawat dan salam ke atas penutup sekalian para Nabi dan Rasul yang telah ditanya tentang siapakah manusia yang paling mulia, lalu Baginda SAW menjawab: Semulia-mulia manusia ialah Nabi Allah Yusuf AS yang merupakan anak kepada Kekasih Allah Ya'qub AS”, ianya adalah disebabkan Yusuf bin Ya'qub bin Ishaq bin Ibrahim telah menghimpunkan di antara akhlak yang mulia bersama kemuliaan sebuah kenabian dan kemuliaan keturunannya, ditambah dengan kemuliaannya dalam menafsir mimpi, dan juga menguruskan manusia serta mentadbir dengan adil, disertakan dengan sejarah yang menarik, bahkan beliau banyak memberikan manfaat dan membuat kebajikan kepada rakyatnya, serta menyelamatkan mereka dari musibah kemarau yang dasyat dengan kebijaksanaan perancangannya. Selawat dan salam juga ke atas keluarga Baginda SAW, para sahabatnya, dan mereka yang mengikut petunjuknya hingga ke hari kiamat.

Bagi sesiapa yang menghayati kisah Nabi Yusuf AS, ia akan mendapati bahawa Baginda AS telah hidup dalam banyak kisah dan peristiwa bersama individu-individu yang berbeza dalam episod yang berbeza, antaranya: kisah Baginda bersama adik beradiknya tatkala mereka mencampaknya ke dalam telaga, kemudian kisah Baginda bersama isteri Raja yang memujuknya kerana menginginkannya, setelah itu kisah Baginda ketika di dalam penjara dan Baginda menafsirkan mimpi Raja ketika itu, serta kisah Baginda ketika menjadi wakil Raja Mesir, kemudian kisahnya di akhiri dengan episod di mana Baginda AS dapat berjumpa semula dengan ayahnya setelah terpisah untuk sekian tahun lamanya.

Ulama' terdahulu telah banyak berbeza pendapat dalam sebuah masalah iaitu: “Mengapakah Allah SWT menyifatkan kisah Nabi Yusuf AS sebagai sebaik-baik kisah di antara semua kisah yang terdapat dalam al-Quran? Sebagaimana yang dinyatakan di awal surah Yusuf, Allah SWT berfirman:

﴿نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْآنَ﴾

Maksudnya: “Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) sebaik-baik kisah dengan cara Kami wahyukan kepadamu al-Quran itu”

[Yusuf: 3]

Sebahagian ulama berpandangan bahawa tidak ada kisah dalam al-Quran yang mempunyai ibrah dan pengajaran sebagaimana yang ada dalam kisah ini, dan ini dapat difahami secara literal daripada apa yang Allah SWT firmankan pada pengakhiran surah ini iaitu:

﴿لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَكِن تَصَدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى
وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya kisah para-Nabi itu mengandung pengajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. Ia bukanlah cerita yang diada-adakan tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman”

[Yusuf: 111]

Dan sebahagian ulama yang lain pula berpandangan bahawa ianya disifatkan sebagai sebaik-baik kisah adalah disebabkan oleh kesabarannya terhadap apa yang telah dilakukan oleh abang-abangnya, serta kemaafannya terhadap mereka setelah berjumpa semula dengan mereka, Nabi Yusuf tidak mengungkit atas apa yang telah mereka lakukan kepadanya, bahkan beliau mengatakan pada mereka sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT:

﴿قَالَ لَا تَثْرِبَ عَلَيْكُمُ الْيَوْمَ يَعْفُورُ اللَّهُ لَكُمْ وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ﴾

Maksudnya: “Yusuf berkata: “Kamu pada hari ini tidak akan ditempelak atau disalahkan (tentang perbuatan kamu terdahulu itu), Semoga Allah mengampunkan dosa kamu, dan Dia jugalah yang Maha Mengasihani daripada segala yang lain yang mengasihani”

[Yusuf: 92]

Kemudian, sesetengah ulama lain memandang bahawa kisah Nabi Yusuf disifatkan sebagai sebaik-baik kisah adalah kerana dalam kisah tersebut dinyatakan tentang para-Nabi, orang-orang yang soleh, para malaikat, syaitan, jin, manusia, haiwan, sejarah raja-raja dan hamba, para usahawan, para ulama, orang-orang yang tidak berilmu, para lelaki dan para wanita serta helah atau perancangan mereka. Dalam kisah tersebut juga dinyatakan tentang tauhid, fiqh, sejarah, tafsiran mimpi, politik, cara berinteraksi dan menguruskan kehidupan, serta pelbagai manfaat berkaitan agama mahupun dunia.

Terdapat juga ulama yang berpandangan bahawa perkataan “أحسن” dalam ayat al-Quran membawa makna: yang paling menakjubkan, atau dalam erti kata lain, Allah SWT berfirman: “Kami telah ceritakan kepadamu kisah yang paling menakjubkan berbanding kisah-kisah yang lain”, dan ulama yang lain pula memandang bahawa kisah ini dikatakan sebagai sebaik-baik kisah kerana setiap orang yang dinyatakan dalam kisah ini diakhiri dengan kegembiraan, sebagai contoh kisah antara Nabi Yusuf AS, ayahnya, abang-abangnya dan isteri al-Aziz, dikatakan bahawa Raja juga telah berubah menjadi seorang Muslim yang baik setelah keislamannya disebabkan Yusuf AS, begitu juga orang yang meminta kepada Nabi Yusuf AS untuk menafsirkan mimpinya, serta saksi sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat:

﴿وَشَهِدَ شَاهِدٌ مِنْ أَهْلِهَا﴾

Maksudnya: “Seorang saksi dari keluarga perempuan itu yang tampil memberikan saksi dan pendapat”

[Yusuf: 26]

Mereka semuanya mengalami pengakhiran yang baik. Terdapat juga ulama lain yang memandang bahawa kisah ini disifatkan sebagai sebaik-baik kisah kerana kisah Nabi Yusuf AS ini saling melengkapi dari awalnya hingga ke akhirnya, dan ianya berbeza dengan kisah-kisah yang lain yang terdapat dalam al-Quran kerana kisah-kisah tersebut dinyatakan dalam beberapa tempat yang berbeza, contohnya kisah Nabi Musa AS terkandung dalam surah al Qasas, tetapi Allah SWT juga ada menceritakan tentangnya dengan lebih terperinci dalam surah yang lain (Al-Qurtubi, 2006; Ibn Jizzi, 1995).

Namun begitu, pengkaji memandang bahawa yang paling rajih adalah bukan hanya kisah Nabi Yusuf semata yang menjadi sebaik-baik kisah, walaupun perkataan “Ahsanul Qasas” boleh membawa makna bahawa hanya kisah Nabi Yusuf sahaja yang dikatakan sebagai sebaik-baik kisah. Tetapi maksud utama bagi perkataan sebaik-baik kisah adalah gabungan antara semua kisah yang telah Allah SWT ceritakan kepada Rasulullah SAW dalam al-Quran, dan ianya merangkumi kisah Nabi Nuh, Ibrahim, Musa, Isa dan kisah-kisah yang lain, termasuk juga kisah Nabi Yusuf AS.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan dari penyelidikan ini dapat dimanifestasikan dengan usaha penyelidik dalam mengeluarkan atau mengekstrak cara pendekatan dakwah dan tarbiyah dari ayat-ayat dalam surah ini. Penyelidikan ini juga membentangkan beberapa persoalan, antaranya: Apakah tujuan utama bagi surah Yusuf? Bagaimanakah kita membentuk hati dengan pengajaran dari surah ini? Apakah aspek yang paling penting dalam dakwah dan tarbiyah yang boleh disimpulkan dari kisah ini?

3. OBJEKTIF

Matlamat daripada penyelidikan ini adalah untuk:

- 1) Menerangkan tentang tujuan penceritaan surah ini.
- 2) Menerangkan tentang cara untuk membentuk dan menyatukan hati dalam masyarakat.
- 3) Menjelaskan aspek-aspek terpenting dalam dakwah dan pendidikan yang dapat diekstrak dari surah ini.

4. METODOLOGI

Penyelidik menggunakan pendekatan ataupun metode kajian secara deskriptif dan analitikal sebagai satu cara untuk mengekstrak cara pendekatan serta pengajian yang berkait rapat dengan dakwah dan pendidikan berinspirasi dari kisah nabi Yusuf AS. Melalui metodologi deskriptif yang berpandukan surah Yusuf, objektif dakwah dan pendidikan diterangkan secara terperinci serta pandangan dan penyelesaian diperolehi. Beberapa pendapat yang terkandung dalam surah Yusuf turut dibincangkan dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analitikal. Memandangkan surah Yusuf mempunyai banyak aspek pendidikan dan dakwah, maka pengkaji memfokuskan untuk mengetengahkan contoh-contoh utama pendidikan yang penting untuk panduan para pendakwah dan pendidik.

5. DAPATAN KAJIAN

5.1 Tujuan atau *Maqasid* Surah Yusuf

Surah Yusuf merupakan salah satu surah *Makkiyah*, kecuali ayat: 1, 2, 3, dan 7, ianya adalah *Madaniyyah*, ini menurut pandangan Ibn Abbas ra, dan Qatadah (Ibn Juzai, 1995). Bilangan ayatnya pula adalah 111, dan ianya diturunkan selepas Surah Hud, dan namanya hanyalah Surah Yusuf, tidak diketahui sama ada adanya nama lain untuk surah ini. Manakala ianya dinamakan sedemikian disebabkan ianya menceritakan tentang kisah Nabi Allah, Yusuf, dari awal hingga akhir, dan kita

tidak akan menemui kisah tentang Baginda di tempat yang lain selain surah ini, bahkan nama Baginda AS sendiri kita tidak akan dapat dalam surah yang lain melainkan surah al An'am dan juga surah al-Ghafir.

Di antara tujuan utama penurunan surah ini adalah untuk menceritakan tentang kisah para nabi, khususnya Nabi Yusuf bin Ya'qub AS, serta menceritakan tentang ujian-ujian dan kesusahan yang telah Baginda lalui, bermula dari kisahnya bersama saudara-saudaranya, kemudian di rumah Raja, setelah itu di penjara, dan juga berkenaan cacian wanita-wanita di bandar Mesir sehinggalah Allah SWT menyelamatkannya dari ujian dan kesusahan ini, sesuai dengan firman-Nya:

﴿سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا﴾

Maksudnya: “Allah akan menjadikan selepas kesulitan itu ada kemudahan”

[At-Talaq: 7]

dan firman-Nya:

﴿فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا * إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya pada setiap kesulitan itu ada kemudahan, sesungguhnya pada setiap kesulitan itu ada kemudahan”

[Al-Inshirah: 5-6]

Begitu juga yang dikatakan oleh Rasulullah SAW: “Tidak ada kesusahan, keletihan, penyakit, dan kesedihan yang menimpa seorang muslim, bahkan kegelisahan yang mencemaskannya, kecuali akan dihapuskan baginya sebagian kesalahannya” (Al-Bukhari, 1987).

Disamping itu, tujuan sebenar surah ini diturunkan ialah untuk menghiburkan Nabi Muhammad SAW, setelah apa yang Baginda SAW lalui dari pelbagai bentuk kesusahan dan keperitan, serta kemudatan yang dilakukan dari orang terdekat mahupun jauh terhadap Baginda SAW. Ini menunjukkan bahawa surah ini diturunkan dalam keadaan yang sangat genting, sebahagian ulama mengatakan: Surah Yusuf diturunkan pada tahun Kesedihan bagi Rasulullah SAW. Hal ini demikian kerana waktu itu merupakan tempoh kesedihan Baginda di atas pemergian isteri tercinta Khadijah yang merupakan orang yang berdiri di samping Baginda dan memberikan semangat dalam perkara dakwah, dan pada masa yang sama, bapa saudara Baginda Abi Thalib bin Abdul Muthalib, yang sering melindungi Baginda, akhirnya pergi meninggalkan Baginda SAW.

Dalam tempoh ini jugalah orang-orang kafir lebih kuat menyakiti Nabi SAW, kerana orang yang mereka takuti telah meninggal dunia, dan begitu juga isteri Baginda yang solehah yang dahulunya sering menguatkan dan menghiburnya tidak lagi bersamanya, maka Baginda SAW dalam keadaan sedemikian rupa, sangat memerlukan hiburan yang boleh mengurangkan rasa perit dan kesedihan yang Baginda hadapi.

Kaum Quraisy telah menyiksa Baginda SAW dan para sahabatnya sehinggakan Baginda mengizinkan para sahabat untuk berhijrah dari Mekah ke Habsyah. Kemudian Surah Yusuf diturunkan sebagai penguat dan motivasi untuk Baginda dan para sahabat, Allah SWT menceritakan kisah Nabi Yusuf AS yang telah melalui banyak musibah yang besar dan kesusahan yang berat, namun Baginda AS telah selamat daripada semua kesusahan itu, dan di penghujungnya segalanya berpihak kepada Nabi Yusuf AS, maka bersabarlah wahai Muhammad SAW bersama sahabat-sahabatmu, sebagaimana Yusuf bin Ya'qub juga telah bersabar, dan percayalah pada janji-janji Allah kepadamu, kerana selepas kemudatan dan kesusahan ini, kamu akan menang ke atas musuh kamu.

Itulah sebabnya Allah berfirman di akhir surah Yusuf:

﴿حَتَّىٰ إِذَا اسْتَيْأَسَ الرُّسُلُ وَظَنُوا أَنَّهُمْ قَدْ كُذِّبُوا جَاءَهُمْ نَصْرُنَا فَنُجِّيَ مِنْ نَشَاءٍ﴾

Maksudnya: “Sehingga apabila para Rasul itu hampir untuk berputus asa dan mereka sangka tentang benarnya dakwaan kaum mereka yang sifatkan mereka sebagai seorang yang dusta, pertolongan Kami akan tiba dan Kami akan menyelamatkan sesiapa yang Kami kehendaki”

[Yusuf: 110]

Sekalipun engkau wahai Muhammad diuji oleh Tuhanmu dengan kehilangan kedua ibu bapamu, sesungguhnya Yusuf juga diuji dengan ujian yang berat yang menghalangnya dari berjumpa dengan kedua orang tuanya, dan beliau juga diuji dengan sifat hasad dengki adik beradiknya yang menyebabkannya dijual sebagai seorang hamba dengan harga yang murah, dan sekalipun engkau wahai Muhammad diuji dengan pemergian isterimu yang tercinta, dan pemergian pakcikmu yang disayangi, sesungguhnya Yusuf telah diuji sebelumnya, dengan ujian di mana ia dicampak ke dalam perigi, dan tiada siapa yang ada bersamanya untuk memujuknya, namun Allah berfirman:

﴿وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِ لَتُنَبِّئَنَّهُمْ بِأَمْرِهِمْ هَذَا وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ﴾

Maksudnya: “Dan kami pula ilhamkan kepadanya:” Sesungguhnya engkau (wahai Yusuf, akan terselamat, dan) akan memberi tahu mereka tentang hal perbuatan mereka ini, sedang mereka tidak sedar (dan tidak mengingatinya lagi)”

[Yusuf: 15]

Dan sekalipun Tuhanmu mengujimu dengan suatu kaum yang menuduhmu gila, bomoh dan ahli sihir, Yusuf juga telah dituduh sebelum kamu dengan tuduhan mencuri dan berzina, dan dia dipenjarakan beberapa tahun disebabkan tuduhan tersebut (Ibn Asyur, 1984).

Selain itu, salah satu tujuan surah ini diturunkan ialah; sebagaimana yang diriwayatkan bahawa orang Yahudi bertanya kepada Rasulullah SAW tentang kisah Yusuf, maka turunlah surah tersebut. Imam al-Tabari juga meriwayatkan dari Saad bin Abi Waqqas bahawa beliau berkata: Al-Quran telah diturunkan, lalu Rasulullah SAW membacakannya kepada para sahabatnya untuk beberapa ketika, lalu mereka berkata (maksudnya orang Islam di Makkah): Wahai Rasulullah SAW ceritakanlah kepada kami, kemudian Allah menurunkan: “Alif lam ra”, “Ini adalah ayat-ayat Kitab yang nyata” sehinggalah kepada ayat: “Supaya kamu memahaminya” (Al-Qurtubi, 2006). Inilah tujuan surah ini diturunkan, dan Allah lebih mengetahui.

5.2 Sudut terpenting dalam dakwah dan tarbiyah dari Surah Yusuf

Apabila seseorang menghayati bacaan Surah Yusuf, ia akan mendapati bahawa di dalamnya terdapat banyak aspek yang mendidik pendakwah dalam menyampaikan dakwah secara berkesan, dan panduan kepada ibu bapa dalam membesarkan anak-anak. Hal ini boleh dianggap sebagai salah satu petunjuk yang ditunjukkan oleh al-Quran kepada orang-orang yang bertakwa, Allah berfirman:

﴿إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar”

[Al-Israa': 9]

Menurut Al-Shanqiti rhm, ia berkata dalam tafsirnya: “Allah SWT menyatakan dalam ayat yang mulia ini bahawa Al-Quran yang agung ini, merupakan kitab yang paling agung di antara kitab-kitab langit dan yang paling menyeluruh dalam segala ilmu, dan di akhir ayat ini ialah perjanjian dengan Allah iaitu Tuhan sekalian alam, al-Quran akan memberi petunjuk yang lurus, iaitu jalan yang paling benar dan paling adil (As-Syanqiti, 1998). Marilah kita telusuri beberapa aspek dakwah dan tarbiyah dalam surah ini:

Pertama: Kepentingan Memahami Bahasa Arab

Salah satu aspek tarbiyah yang positif dalam surah ini adalah berkenaan kepentingan untuk memahami bahasa Arab. Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Arab amat istimewa dan penting disebabkan oleh beberapa faktor, faktor yang utama adalah kesuciannya untuk semua umat Islam, sama ada Arab mahupun bukan Arab, kerana ianya adalah bahasa yang wajib mereka gunakan ketika beribadah kepada Allah. Bahkan sebenarnya bahasa Arab adalah bahasa yang tidak dapat digantikan dengan bahasa lain dalam urusan agama, dan buktinya apabila orang Islam menunaikan solat, mereka hendaklah membaca surah Al-Fatihah yang merupakan salah satu rukun solat, kerana solat tidak sah tanpanya, dan Al-Fatihah hanya boleh dibaca dalam bahasa Arab.

Dan di antara bukti bahawa Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab adalah sebagaimana firman Allah pada permulaan surah ini,

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan **bahasa Arab**, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya”

[Yusuf: 2]

Oleh itu, setiap muslim, lelaki dan perempuan, serta pendidik dan ibu bapa, hendaklah mengajar anak-anak mereka memahami bahasa Al-Quran. Seperti yang diketahui, ramai orang pada hari ini sangat berminat untuk mempelajari bahasa asing seperti Inggeris, Perancis, Jepun, Korea, Itali, Cina, Sepanyol dan Jerman dengan tujuan untuk mendapatkan status sosial, namun pada masa yang sama mereka mengabaikan bahasa Arab yang merupakan bahasa al-Quran. Maka sebaiknya bagi seorang Muslim hendaklah mempunyai azam untuk mempelajari bahasa Arab dan menguasai ilmu-ilmunya (tatabahasa, morfologi, retorik, dan puisi), dan mengajarkannya kepada anak-anaknya sejak kecil, serta bercakap dalam bahasa Arab klasik, sebagai satu cara untuk mendekati diri kepada Tuhan Yang Maha Esa, dan sokongan untuk bahasa al-Quran dan bahasa Nabi Muhammad SAW. Tidak dinafikan bahawa mempelajari bahasa-bahasa asing ini adalah perkara yang baik dan bermanfaat, tetapi dengan syarat seseorang itu tidak mengalihkan perhatian daripada mempelajari bahasa Arab yang mana ia akan memperoleh manfaat di dunia dan akhirat dengan mempelajarinya, dan jika seseorang dapat menggabungkan antara keduanya, maka dia telah menggabungkan sebuah kebaikan dengan kebaikan yang lain.

Kedua: Menjauhi Sifat Hasad

Di antara aspek tarbiyah yang negatif dalam surah ini adalah: ia menerangkan tentang keburukan sifat hasad dan dengki, kerana seseorang yang bersifat dengki membenci nikmat Allah yang ada pada orang lain dan ingin ia hilang daripadanya, dan ia membawa banyak kesan yang negatif. Cukuplah dengan mengatakan bahawa seseorang yang bersifat hasad ini merupakan seseorang yang menentang ketentuan Allah, dan seolah ia merasakan Allah tersilap dalam membahagikan rezeki kepada hambaNya, kerana orang yang hasad ini melihat bahawa orang yang mendapat nikmat itu

tidak layak dengan apa yang telah diberikan oleh Allah kepadanya, dan seolah orang lain yang lebih berhak mendapat nikmat ini! Begitu juga, salah satu kesan buruk iri hati ialah ia mewarisi permusuhan dan kebencian antara manusia, bahkan dalam kalangan kaum keluarga. Oleh itu, nasihat yang sangat bernas daripada Ya'qub AS, apabila beliau mengarahkan anaknya Yusuf agar tidak memberitahu abang-abangnya perihal mimpinya, kerana dikhuatiri mereka akan iri dan dengki terhadapnya. Maka dia berkata kepada Yusuf:

﴿يَايُبَيُّ لَا تَقْصُصْ رُؤْيَاكَ عَلَىٰ إِخْوَتِكَ فَيَكِيدُوا لَكَ كَيْدًا إِنَّ الشَّيْطَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ﴾

Maksudnya: “Wahai anakku, janganlah kamu ceritakan mimpimu itu kepada abang-abangmu, supaya mereka tidak melakukan tipu daya terhadapmu, sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia”

[Yusuf: 5]

Daripada ayat tersebut, Nabi Ya'qub menggabungkan di antara larangan, sebab kepada larangan itu, dan bimbingan. Dan ini adalah sebuah didikan yang sangat baik terhadap anak-anak, kerana ia bukan hanya memerintah dan melarang sahaja, namun memberikan sebab terhadap larangan tersebut. Dan hasad itu juga telah berlaku ke atas Yusuf AS sebagaimana Allah berfirman:

﴿إِذْ قَالُوا لَيُوسُفُ وَأَخُوهُ أَحَبُّ إِلَىٰ أَبِينَا مِنَّا وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّ أَبَانَا لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ * اقْتُلُوا يُوسُفَ أَوْ اطْرَحُوهُ أَرْضًا يَخْلُ لَكُمْ وَجْهُ أَبِيكُمْ وَتَكُونُوا مِن بَعْدِهِ قَوْمًا صَالِحِينَ * قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ لَا تَقْتُلُوا يُوسُفَ وَالْقَوْمُ فِي غِيَابَتِ الْجُبِّ يَلْتَقِطُهُ بَعْضُ السَّيَّارَةِ إِنْ كُنْتُمْ فَاعِلِينَ﴾

Maksudnya: (Kisah itu bermula) ketika saudara-saudara Yusuf berkata (sesama sendiri): "Sesungguhnya Yusuf dan adiknya, lebih disayangi oleh bapa kita daripada kita, padahal kita ini satu kumpulan (yang ramai dan berguna). Sesungguhnya bapa kita adalah dalam keadaan tidak adil yang nyata". (8) (Ramai di antara mereka berkata): "Bunuhlah Yusuf atau buanglah dia ke suatu tempat yang jauh, supaya perhatian dan kasih sayang bapa kamu tertumpu kepada kamu semata-mata, dan supaya kamu sesudah itu menjadi orang-orang yang baik dan berguna". (9) Salah seorang di antara mereka berkata: "Janganlah kamu membunuh Yusuf, tetapi buanglah dia ke dalam pergi, supaya ia dipungut oleh sebahagian dari orang-orang musafir (yang lalu di situ), kalaulah kamu tetap hendak menjalankan rancangan kamu itu”

[Yusuf: 8-10]

Dan disebabkan perbuatan mereka ini, para ulama berbeza pendapat dalam satu masalah, iaitu: Adakah saudara-saudara Yusuf yang melakukan perbuatan keji terhadapnya merupakan nabi ataupun tidak?

Maka ada ulama yang mengatakan bahawa mereka adalah nabi, sementara yang lain pula mengatakan bahawa mereka bukan nabi. Al-Qurtubi berkata: “Dan berdasarkan apa yang mereka lakukan kepada Yusuf menunjukkan bahawa mereka bukan nabi pada masa itu, dan terdapat dalam kitab al-Tabari bahawa mereka adalah para nabi, dan ini disangkal kerana para nabi maksum daripada sifat hasad, perbuatan derhaka terhadap ibu bapa, dan mendedahkan seorang mukmin kepada kebinasaan, serta para nabi maksum dari berkomplot untuk membunuh. Pendapat yang mengatakan bahawa mereka adalah nabi-nabi sememangnya tertolak. Sekalipun tidak mustahil bagi seorang nabi untuk tergelincir dalam berbuat kesalahan, namun kesalahan ini sudah merangkumi banyak dosa besar. Umat Islam juga telah sepakat bahawa mereka maksum daripada dosa besar, namun mereka berselisih pendapat dalam permasalahan adakah para-Nabi maksum daripada dosa kecil (Al-Qurtubi, 2006).

Menurut Ibn Taymiyyah ketika beliau ditanya adakah adik-beradik Yusuf AS merupakan para-Nabi, beliau menjawab: “Berdasarkan apa yang ditunjukkan oleh al-Quran, bahasa, dan pertimbangan ia membuktikan bahawa saudara-saudara Yusuf bukanlah nabi, dan tidak ada dalam al-Quran, ataupun hadith mahupun daripada para sahabat yang mengatakan bahawa Allah SWT menjadikan mereka itu sebagai nabi.

Adapun pendapat yang mengatakan mereka merupakan nabi berdasarkan dua ayat dalam surah al Baqarah dan an Nisa yang menyatakan perkataan “الأسباط” mereka menafsirkan bahawa ia merujuk kepada anak-anak Nabi Ya’qub, namun pandangan yang benar adalah bahawa mereka tidak ditujukan untuk anak anaknya tetapi lebih kepada keturunannya, sepertimana mereka juga digelar sebagai 'bani Israil', dan ramai para nabi yang berketurunan dari keturunan Nabi Ya’qub, maka *Al-Asbath* daripada Bani Israil adalah seperti puak-puak daripada Bani Ismail.

Ibn Kathir yang merupakan anak murid kepada Ibn Taymiyyah juga mengatakan sebagaimana yang dikatakan oleh gurunya, kata beliau: Dan ketahuilah bahawa tiada bukti tentang kenabian adik-beradik Yusuf, dan jelas dari konteks ini menunjukkan sebaliknya, dan sebahagian orang mendakwa bahawa adik-beradik Yusuf telah diwahyukan selepas itu, pendapat ini perlu dinilai semula, dan bagi mereka yang mendakwa hal sedemikian perlu membuktikannya dengan jelas, namun mereka hanya menyebut apa yang Allah firmankan:

﴿قولوا آمنا بالله وما أنزل إلينا وما أنزل إلى إبراهيم وإسماعيل وإسحاق ويعقوب والأسباط﴾

Maksudnya: “Katakanlah (wahai orang-orang yang beriman): Kami beriman kepada Allah, dan kepada apa yang diturunkan kepada kami (Al-Quran), dan kepada apa yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail dan Nabi Ishak dan Nabi Yaakub serta anak-anaknya”

[Al-Baqarah: 136]

Terdapat kemungkinan kerana suku Bani Israil disebut sebagai *Al-Asbath*, sebagaimana orang Arab disebut suku dan orang bukan Arab disebut bangsa. Allah menyatakan bahawasanya menurunkan wahyu kepada para-Nabi daripada Al-Asbath, namun Allah menyatakannya secara ringkas kerana mereka ramai, namun setiap suku adalah dari keturunan seorang laki-laki dari saudara-saudara Yusuf, dan tidak ada dalil yang mengatakan bahawa mereka telah diberi wahyu (Ibn Kathir, 2000).

Oleh kerana sifat hasad adalah sifat yang tercela dan ianya merupakan sifat syaitan, kerana syaitan juga pernah bersifat hasad terhadap Adam AS, kerana Allah Taala telah menciptakannya dengan tangan-Nya, dan malaikat-malaikat bersujud kepadanya, dan Dia mengajarkan kepada Adam AS segala nama, dan Dia menempatkannya di dalam syurga, oleh itu syaitan berusaha untuk mengeluarkannya dari syurga sehingga dia terkeluar daripadanya, dan hasad jugalah menjadikan salah seorang anak Adam secara zalim membunuh saudaranya, disebabkan Allah mengurniakan kepadanya rahmat dan korbannya diterima.

Selain itu, hasad juga merupakan ciri orang Yahudi, sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dalam ayat-ayat al-Quran. Mereka iri hati kepada Rasulullah SAW, terhadap apa yang Allah berikan kepadanya daripada nikmat dalam bentuk kenabian dan kedudukan yang agung, lalu mereka mengingkarinya walaupun mereka mengetahui bahawa Baginda itu dipercayai (Al-Amin), dan mereka yakin bahawa Baginda adalah seorang nabi dari Allah. Oleh kerana itu. Rasulullah SAW telah memberi amaran kepada umatnya tentang hasad dengki, dan baginda bersabda: “Janganlah kamu dengki, janganlah kamu bertengkar, janganlah kamu membenci, janganlah kamu bercerai-berai, dan janganlah kamu saling menjual atas kepercayaan orang lain, jadilah hamba-hamba Allah yang bersaudara” Riwayat Muslim (3811).

Ketiga: Keburukan Sifat Menipu atau Berdusta

Antara aspek tarbiyah lain yang negatif dalam surah juga adalah menerangkan tentang keburukan menipu dan pelakunya, kerana dusta adalah asas kepada kemunafikan dan akhlak yang buruk serta merupakan faktor yang menjerumuskan diri ke dalam larangan Allah SWT. Allah berfirman:

﴿وَجَاءُوا آبَاءَهُمْ عِشَاءً يَبْكُونَ* قَالُوا يَا أَبَانَا إِنَّا ذَهَبْنَا نَسْتَبِقُ وَتَرَكْنَا يُوسُفَ عِنْدَ مَتَاعِنَا فَأَكَلَهُ الذِّئْبُ وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَنَا وَلَوْ كُنَّا صَادِقِينَ* وَجَاءُوا عَلَى قَمِيصِهِ بِدَمٍ كَذِبٍ قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنْفُسُكُمْ أَمْرًا فَصَبْرٌ جَمِيلٌ وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَى مَا تَصِفُونَ﴾

Maksudnya: “Dan sesudah itu datanglah mereka mendapatkan bapa mereka pada waktu senja sambil (buat-buat) menangis” (16) “Mereka berkata: Wahai ayah kami! Sesungguhnya kami telah pergi berlumba-lumba berburu dan kami telah tinggalkan Yusuf menjaga barang-barang kami, lalu ia dimakan oleh serigala; dan sudah tentu ayah tidak akan percaya kepada kata-kata kami ini, sekalipun kami adalah orang-orang yang benar”(17) Dan (bagi mengesahkan dakwaan itu) mereka telah melumurkan baju Yusuf dengan darah palsu. Bapa mereka berkata: "Tidak! Bahkan nafsu kamu memperelokkan kepada kamu suatu perkara (yang tidak diterima akal). Kalau demikian, bersabarlah aku dengan sebaik-baiknya, dan Allah jualah yang dipohonkan pertolonganNya, mengenai apa yang kamu katakan itu"

[Yusuf: 16-18]

Sebahagian ahli tafsir menyebut bahawa saudara-saudara Yusuf AS telah melumurkan baju Yusuf dengan darah kambing, dan berkata kepada bapa mereka: Darah yang terdapat pada baju ini adalah darah Yusuf sebagai bukti keikhlasan dan kebenaran kata-kata mereka! Nabi Ya’kub berkata kepada mereka: Mengapa serigala memakannya tanpa mengoyakkan bajunya? Maka Baginda menyimpulkan pembohongan mereka dan mengetahui bahawa cerita serigala memakan Yusuf adalah rekaan semata, dan berkata kepada mereka: Tidak, bahkan mereka tidak ingin mengaku salah dan membuat diri mereka seolah tidak bersalah (Ibn Jizzi, 1995).

Itulah sebabnya Nabi SAW menginginkan umatnya berlaku jujur dan memperingatkan mereka supaya tidak berdusta, Baginda bersabda: “Hendaklah kamu berlaku jujur, kerana kejujuran itu membawa kepada kebaikan, dan kebaikan itu membawa kepada syurga, dan selagimana seseorang itu terus berkata benar, dan berusaha kearah kebenaran sehingga ia ditulis di sisi Allah sebagai benar, dan berhati-hatilah dari dusta, kerana dusta itu membawa kepada kefasikan, dan kefasikan membawa kepada neraka, dan selagimana hamba terus berdusta dan berbuat pembohongan itu hingga dia telah ditulis di sisi Allah sebagai pendusta” Riwayat Al-Bukhari (6094), Muslim (2607).

Berdusta adalah dilarang dalam semua syariat, dan semuanya membawa kepada maksiat sebagaimana yang disabdakan oleh Nabi SAW, dan tidak ada yang dikecualikan daripadanya kecuali yang disebutkan dalam hadis sahih, bahawa ia dikecualikan daripada berdusta dalam tiga keadaan: (ketika perang, ketika mendamaikan pergaduhan antara manusia, dalam percakapan suami kepada isterinya, dan percakapannya kepada suaminya). Perlu diketahui bahawa sebahagian ulama mengatakan: Yang dimaksudkan dengan berdusta di dalam hadis tersebut adalah kiasan, bukannya

dusta secara jelas. Mereka mengatakan bahawa kiasan juga boleh dikira sebagai berdusta, sebagaimana dalam hadith Abu Hurairah r.anhu, Rasulullah SAW bersabda: Ibrahim hanya berdusta tiga kali, dua diantaranya mengenai Allah Ta'ala, sabdanya yang bermaksud: “Aku sedang sakit” [Al-Saffat: 89], dan sabdanya yang bermaksud: “Sebaliknya, orang yang paling besar di antara mereka yang melakukan ini. Tanyalah mereka kalau mereka boleh bercakap” [Al Anbiya': 63], dan satu lagi dustanya adalah berkenaan isterinya Sarah. dan selainnya sudah sedia maklum bahawa Ibrahim AS tidak berdusta, tetapi menggunakan kata-kata kiasan (Ibn Hajar al-Asqalani, 1959; An-Nawawi, 1972).

Walaupun menipu atau berdusta adalah haram kecuali dalam tiga keadaan ini menurut pendapat kebanyakan ulama, namun sebahagian mereka memandang bahawa berdusta adalah dilarang secara menyeluruh. Oleh itu, apa yang dilakukan oleh beberapa pendakwah atau pendidik baru hari ini dengan bercerita perkara palsu sedangkan mereka mengetahui bahawa itu adalah dusta, tetapi dia menceritakannya untuk membuat orang ketawa, maka ianya tidak dibenarkan di sisi syarak. Kerana ia adalah satu penipuan, moga mereka sedar tentang itu.

Dan di dalam ayat-ayat tersebut terdapat aspek tarbiyah yang lain, antaranya: ucapan Ya'qub AS “Maka bersabarlah sebaiknya”; yang bermaksud saya akan bersabar dengan musibah ini dengan kesabaran yang tidak bercampur dengan kegelisahan seperti orang yang berputus asa dari rahmat Allah, dan tidak akan mengadu kepada selain Allah Taala, maka setiap orang mukmin yang ditimpa musibah hendaklah bersabar, menahan diri dari kegelisahan. Oleh itu, Allah menggalakkan untuk bersabar dalam banyak ayat al-Quran, dan Allah memberikan pahala yang besar untuk mereka yang bersabar dalam kesusahan dan ujian yang diberikan.

Contohnya apa yang Allah ceritakan tentang Nabi Ayub AS, kerana Baginda pada asalnya memilik tanaman, binatang ternak dan anak-anak, tetapi Allah mengujinya dengan merosakkan semua tanaman, membinasakan semua binatang ternak dan anak-anak, kemudian Allah mengujinya dengan kesakitan pada tubuhnya sehinggakan Baginda hanya mempunyai jiwa dan lidah untuk berkata-kata, Baginda menggunakan keduanya untuk mengingati Allah sehinggalah semua ahli keluarga dan anak-anaknya pergi meninggalkannya, kecuali isterinya yang tinggal bersamanya, dan di sebalik kesusahan ini, dia tidak berbuat apa-apa selain mengadu pada Tuhannya bahawa dia telah ditimpa kesusahan. Firman Allah SWT:

﴿وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ أَنِّي مَسَّنِيَ الضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ﴾

Maksudnya: Dan Nabi Ayub, ketika ia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: "Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani"

[Al-Anbiya' :83]

Allah SWT juga memujinya dan berfirman:

﴿إِنَّا وَجَدْنَاهُ صَابِرًا نِعْمَ الْعَبْدُ إِنَّهُ أَوَّابٌ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami mendapati Nabi Ayub itu seorang yang sabar; ia adalah sebaik-baik hamba; sesungguhnya ia sentiasa rujuk kembali (kepada Kami dengan ibadatnya)”

[Sadd: 44]

Dan apabila Nabi Ayub AS telah banyak berdoa, dan kuat bersabar serta kerap kembali kepada Allah, Allah menyembuhkannya, firman Allah SWT:

﴿فَاسْتَجَبْنَا لَهُ فَكَشَفْنَا مَا بِهِ مِنْ ضُرٍّ وَآتَيْنَاهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُمْ مَعَهُمْ رَحْمَةً مِنْ عِنْدِنَا وَذِكْرَى لِلْعَابِدِينَ﴾

Maksudnya: “Maka Kami perkenankan doa permohonannya, lalu Kami hapuskan penyakit yang menimpanya, serta Kami kurniakan kepadanya: keluarganya, dengan seganda lagi ramainya, sebagai satu rahmat dari Kami dan sebagai satu peringatan bagi orang-orang yang taat kepada Kami (supaya bersabar dan mendapat balasan baik)”

[Al-Anbiya’: 84]

Selain itu, antara aspek tarbiyah adalah pada kata-kata Nabi Ya’qub AS: “Allah jualah yang dipohonkan pertolonganNya, mengenai apa yang kamu katakan itu” yang bermaksud aku akan serahkan urusanku dalam musibah ini kepada Allah, dan aku tidak akan meminta bantuan dari sesiapa sahaja daripada kamu untuk memikul musibah ini.

Ini bermakna menyerahkan urusan hanya kepada Allah dan bertawakal kepadaNya adalah dituntut dalam semua urusan dunia dan akhirat. Allah telah memerintahkan hal tersebut dalam banyak ayat dalam Al-Quran (Ali Redha, 1990). Akhir sekali, antara yang dapat dipelajari juga adalah: helah orang yang cuba menipu akan diketahui oleh orang yang bijak, sekalipun mereka cuba berlakon atau berpura-pura, sepertimana ketika adik-beradik Yusuf datang kepada ayah mereka untuk makan malam sambil menangis! Ia hanyalah lakonan namun perkara itu diketahui juga oleh bapa mereka.

Keempat: Membina Diri Supaya Mampu untuk Mendidik Anak-Anak

Salah satu aspek tarbiyah yang positif dalam surah ini ialah: membina diri. Seorang pendidik yang berjaya ialah orang yang menjadi contoh ikutan dalam membina keperibadian dan pembangunan diri, serta berakhlak mulia, yang mampu menuai hasil kebaikan dan petunjuk darinya. Inilah yang ingin ditanamkan oleh Nabi Allah, Ya'qub AS kepada anaknya Yusuf AS. Dia berkata kepadanya: “Dan demikianlah cara Tuhanmu memilihmu, dan akan mengajarmu tafsir mimpi, serta akan menyempurnakan nikmatNya kepadamu dan kepada keluarga Ya’qub: sebagaimana Ia telah menyempurnakannya kepada datuk nenekmu dahulu: Ibrahim dan Ishak. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana” [Yusuf: 6]. Sebahagian ulama menyatakan bahawa Ya’qub AS telah mengetahui hal ini melalui tafsiran mimpi dan petunjuk yang menunjukkan bahawa Yusuf AS akan menjadi seseorang yang dipandang mulia pada masa hadapan (Ibn Asyur, 1984).

Kelima: Pengulangan Perkataan قميص ataupun Baju dalam Surah Yusuf Menunjukkan Kepentingannya

Perkataan 'baju' diulang sebanyak 6 kali dalam surah Yusuf, baju yang dimaksudkan pada setiap pengulangan itu adalah baju Nabi Yusuf AS, dan ini bermakna bahawa baju itu mempunyai peranan penting dalam kisah ini. Tempat pertama yang menyebut berkenaan baju itu adalah:

﴿وَجَاءُوا عَلَىٰ قَمِيصِهِ بِدَمٍ كَذِبٍ﴾

Maksudnya: “Dan mereka mendatangi bajunya dengan darah palsu”

[Yusuf: 18]

Kemudian, tempat kedua, ketiga, keempat, dan kelima pula ialah:

﴿وَاسْتَبَقْنَا الْبَابَ وَقَدَّتْ قَمِيصُهُ مِنْ دُبُرٍ وَأَلْفَيَا سَيِّدَهَا لَدَى الْبَابِ قَالَتْ مَا جَزَاءُ مَنْ أَرَادَ بِأَهْلِكَ سُوءًا إِلَّا أَنْ يُسْجَنَ أَوْ عَذَابٌ أَلِيمٌ * قَالَ هِيَ رَاوَدْتَنِي عَنْ نَفْسِي وَشَهِدَ شَاهِدٌ مِنْ أَهْلِهَا إِنْ كَانَ قَمِيصُهُ قُدَّ مِنْ قُبُلٍ فَصَدَقَتْ وَهُوَ مِنَ

الكَادِبِينَ * وَإِنْ كَانَ قَمِيصُهُ قُدَّ مِنْ دُبُرٍ فَكَذَبَتْ وَهُوَ مِنَ الصَّادِقِينَ * فَلَمَّا رَأَى قَمِيصَهُ قُدَّ مِنْ دُبُرٍ قَالَ إِنَّهُ مِنْ كَيْدِكِنَّ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: “Dan mereka berdua pun berkejaran ke pintu, serta perempuan itu mengoyakkan baju Yusuf dari belakang; lalu terserempaklah keduanya dengan suami perempuan itu di muka pintu. Tiba-tiba perempuan itu berkata (kepada suaminya): Tidak ada balasan bagi orang yang mahu membuat jahat terhadap isterimu melainkan dipenjarakan dia atau dikenakan azab yang menyiksanya”. (25) Yusuf pula berkata: "Dialah yang memujukku berkehendakkan diriku". (Suaminya tercengang mendengarnya) dan seorang dari keluarga perempuan itu (yang ada bersama-sama) tampil memberi pendapatnya dengan berkata: "Jika baju Yusuf koyak dari depan maka benarlah tuduhan perempuan itu, dan menjadilah Yusuf dari orang-orang yang dusta". (26) “Dan jika bajunya koyak dari belakang, maka dustalah perempuan itu, dan Yusuf adalah dari orang-orang yang benar”. (27) Setelah suaminya melihat baju Yusuf koyak dari belakang, berkatalah ia: "Sesungguhnya ini adalah dari tipu daya kamu orang-orang perempuan; sesungguhnya tipu daya kamu amatlah besar pengaruhnya”

[Yusuf: 25-28]

Dan tempat terakhir ialah:

﴿اذْهَبُوا بِقَمِيصِي هَذَا فَأَلْفُوهُ عَلَىٰ وَجْهِ أَبِي يَأْتِ بَصِيرًا وَأُنْوِي بِأَهْلِكُمْ أَجْمَعِينَ﴾

Maksudnya: “Pergilah dengan membawa bajuku ini, kemudian letakkan pada muka ayahku supaya ia dapat melihat, dan selepas itu bawalah kepadaku keluarga kamu semuanya”

[Yusuf: 93]

Dan sebab perkataan baju itu diulang beberapa kali ialah sebagai bahan bukti yang digunakan dalam tiga perkara: Bukti palsu seperti yang dinyatakan dalam firmanNya: “Dan mereka mendatangi bajunya dengan darah palsu” dan bukti sebegini adalah tidak benar, kerana mereka menggunakan baju yang berlumuran darah itu sebagai bukti untuk menjelaskan bahawa serigala telah memakan Yusuf.

Kemudian perkataan baju digunakan sekali lagi dalam surah Yusuf sebagai bukti Yusuf tidak bersalah, seperti dalam firmanNya: dan seorang dari keluarga perempuan itu (yang ada bersama-sama) tampil memberi pendapatnya dengan berkata: "Jika baju Yusuf koyak dari depan maka benarlah tuduhan perempuan itu, dan menjadilah Yusuf dari orang-orang yang dusta”.

Kemudian baju itu digunakan untuk kali ketiga sebagai bukti yang benar untuk menunjukkan bahawa Yusuf masih hidup dan tidak mati, dalam firmanNya: “Pergilah dengan membawa bajuku ini, kemudian letakkan pada muka ayahku supaya ia dapat melihat”. Dan itu merupakan sebuah berita gembira untuk ayahnya, malah ia adalah faktor Baginda dapat melihat kembali, dan ia dianggap sebagai bukti yang kukuh kerana terdapat bau Yusuf pada baju tersebut.

Pada zaman kita hari ini, bau adalah salah satu bukti dalam merungkai kegiatan jenayah dalam kawasan jenayah tersebut. Itulah sebabnya anjing polis atau K9 digunakan untuk menghidu dan mengenalpasti penjenayah melalui baunya. Mungkin fakta ini juga telah digunakan sejak zaman dahulu. Oleh itu, Yusuf AS menjadikan bajunya sebagai bukti bahawa dia masih hidup, untuk memaklumkan ayahnya secara tidak langsung. Wallahua'alam.

Keenam: Penyebaran Berita yang Terlalu Pantas

Allah SWT telah berfirman:

﴿وَقَالَ نِسْوَةٌ فِي الْمَدِينَةِ امْرَأَتُ الْعَزِيزِ تُرَاوِدُ فَتَاهَا عَنْ نَفْسِهِ قَدْ شَغَفَهَا حُبًّا إِنَّا لَنَرَاهَا فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ * فَلَمَّا سَمِعَتْ بِمَكْرِهِنَّ أَرْسَلَتْ إِلَيْهِنَّ وَأَعْتَدَتْ لَهُنَّ مُتَّكًا وَأَتَتْ كُلَّ وَاحِدَةٍ مِنْهُنَّ سِكِّينًا وَقَالَتِ اخْرُجْ عَلَيْهِنَّ فَلَمَّا رَأَيْنَهُ أَكْبَرْنَهُ وَقَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ وَقُلْنَ حَاشَ لِلَّهِ مَا هَذَا بَشَرًا إِنْ هَذَا إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ﴾

Maksudnya: “Dan (sesudah itu) perempuan-perempuan di bandar Mesir (mencaci hal Zulaikha dengan) berkata: Isteri Al-Aziz itu memujuk hambanya (Yusuf) berkehendakkan dirinya, sesungguhnya cintanya (kepada Yusuf) itu sudahlah meresap ke dalam lipatan hatinya; sesungguhnya kami memandangnya berada dalam kesesatan yang nyata.” (30) Maka apabila ia (Zulaikha) mendengar cacian mereka, dia pun menjemput mereka dan menyediakan satu jamuan untuk mereka, serta memberi kepada tiap-tiap seorang di antara mereka sebilah pisau. Dan pada ketika itu berkatalah ia (kepada Yusuf): “Keluarlah di hadapan mereka”. Maka ketika mereka melihatnya, mereka tercengang melihat kecantikan parasnya, dan mereka dengan tidak sedar melukakan tangan mereka sambil berkata: “Jauhnya Allah dari kekurangan! Ini bukanlah seorang manusia, ini tidak lain melainkan malaikat yang mulia!”

[Yusuf: 30-31]

Pada era moden kini, kita dapat perhatikan bahawa agensi berita, sebaik sahaja menerima sesuatu berita, mereka menyebarkannya dalam media sosial dengan segera, setelah mengesahkan kesahihan berita tersebut. Hal ini demikian seperti berita tergepar yang tersebar dengan pantas bahawa isteri al-Aziz berkeinginan terhadap hambanya sendiri.

Maka apabila isteri al-Aziz mendengar bahawa wanita-wanita di bandar Mesir mencacinya, dan sebahagian ulama menyebut bahawa kata-kata mereka mengandungi penghinaan terhadap isteri Raja tersebut. Salah satunya adalah, ucapan mereka “isteri al-Aziz” tanpa menamakan namanya, malah mereka menyebutnya sambil menyifatkannya dengan sesuatu yang buruk disebabkan betapa buruknya perbuatan isteri al-Aziz itu kerana beliau merupakan seorang isteri, maka jika beliau berzina ianya lebih buruk daripada orang yang belum berkahwin.

Selain itu, mereka menamakannya sebagai “isteri al-Aziz” yang bermakna isteri kepada raja Mesir, dan jika beliau berzina maka itu lebih buruk kerana beliau seorang isteri raja. Seterusnya yang ketiga adalah kata-kata mereka “dia menggoda hambanya sendiri” bermakna beliaulah yang meminta dan ingin berzina, dan bukannya Yusuf AS yang menggodanya. Keempat pula adalah kata-kata mereka “dia menggoda hambanya sendiri” bermakna bahawa dia ingin berzina bersama seorang hamba dan itu adalah lebih teruk kerana beliau merupakan seorang yang berkedudukan tinggi, namun ingin berzina dengan seorang yang berkedudukan rendah.

Yang kelima adalah ucapan mereka “sesungguhnya cintanya (kepada Yusuf) itu sudah meresap jauh ke lubuk hatinya” yang bererti bahawa beliau telah sangat jatuh cinta kepada Yusuf AS dan cintanya itu membuatnya buta dalam menilai. Kemudian yang keenam adalah ketika mereka mengatakan, “sesungguhnya kami memandangnya berada dalam kesesatan yang nyata” seolah-olah mereka ingin mengatakan bahawa isteri raja itu sangat teruk dan kami pasti tidak akan melakukan sepertimana apa yang dia lakukan. Yang ketujuh adalah wanita-wanita itu bercakap semasa ketiadaannya dan bukan di hadapannya, dan semua itu adalah helah mereka untuk menghina isteri raja. Oleh sebab itu, ia membalas penghinaan berbentuk perkataan ini dengan penghinaan berbentuk perbuatan, maka beliau mengumpulkan mereka dan menyediakan tempat duduk untuk mereka, dan memberikan setiap daripada mereka sebilah pisau dan berkata, “Keluarlah kepada mereka.” Ketika itu Baginda merupakan seorang hamba di rumah, oleh itu, Baginda taat terhadapnya. Ketika mereka melihat Baginda keluar, mereka terpegun dengan kekacakan Yusuf AS sehingga melupakan tentang pisau yang sedang berada di tangan mereka sehinggakan mereka

melakukan tangan mereka sendiri dan tidak merasa sakit sekalipun darah sudah mengalir. Ini menunjukkan betapa kacaknya Yusuf AS sehinggakan kesakitan luka di tangan tidak terasa.

Para ulama juga mengatakan bahawa perbuatan isteri al-Aziz itu terhadap cacian daripada wanita-wanita itu juga mengandungi helah untuk mencaci mereka. Antaranya adalah dengan menjemput mereka datang ke istana untuk makan, yang kedua dengan menetapkan Yusuf AS di dalam bilik yang akan bertembung terus dengan mereka, yang ketiga adalah dengan menghidangkan mereka makanan yang perlu dipotong dengan pisau, dan yang keempat adalah dengan memberikan setiap seorang daripada mereka pisau untuk memotong makanan itu sendiri. Kemudian yang kelima adalah dengan menggunakan kaedah mengejut, di mana Yusuf AS akan tiba-tiba keluar berdekatan mereka dan tidak memberitahu mereka tentang kehadirannya (Ibn al-Qayyim, 1975, 1989). Ini semua adalah dari tipu daya atau helah isteri al-Aziz, dan setelah apa yang berlaku kepada mereka, dia berkata dengan memerli mereka: "Inilah orangnya yang kamu tempelak aku mengenainya! Sebenarnya aku telah memujuknya berkehendakkan dirinya tetapi ia menolak dan berpegang teguh kepada kesuciannya; dan demi sesungguhnya kalau ia tidak mahu melakukan apa yang aku suruh tentulah ia akan dipenjarakan, dan akan menjadi dari orang-orang yang hina" [Yusuf: 32].

Oleh yang demikian, berdasarkan apa yang pengkaji sebutkan tentang aspek dakwah dan tarbiyah di atas, diharap agar kita dapat membaca surah Yusuf dengan menghayati maknanya demi mencapai aspek dakwah dan tarbiyah seterusnya memperoleh keredhoan Allah SWT.

Semoga kita mendapat pengajaran daripada kisah yang menakjubkan dan menyentuh hati ini, dan menjadi antara ulama dan pendakwah yang berjaya sebagaimana yang disebut dalam firman Allah:

﴿وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”

[Al-Imran: 104]

Dan berharap agar Allah Taala menjadikan kita dalam kalangan orang-orang yang Allah firmankan:

﴿وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ﴾

Maksudnya: “Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang saleh dan berkata, ‘Sesungguhnya aku termasuk orang-orang Islam’”

[Fussilat: 33]

6. KESIMPULAN

Selepas perjalanan singkat dalam memahami aspek-aspek dakwah dan tarbiyah menerusi surah Yusuf AS, kajian dapat menyimpulkan beberapa kesimpulan:

- 1) Kaedah penceritaan merupakan sebuah metode yang sangat penting dan tidak patut dipandang enteng oleh para pendakwah, tambahan pula, kisah di dalam al-Quran adalah benar dan bukannya khayalan semata.
- 2) Para pendakwah pada hari ini terdedah kepada kejahatan dan kebaikan dalam masa yang sama. Fitnah wanita lebih merbahaya pada zaman ini berbanding pada zaman umat terdahulu, sebagaimana sabda Nabi SAW: “Aku tidak tinggalkan kepada kamu fitnah yang lebih merbahaya bagi lelaki berbanding fitnah wanita”.
- 3) Allah Taala telah memberitahu Nabi SAW apa yang Baginda perlu tahu dari kisah-kisah Nabi Yusuf AS untuk menguatkannya dan memujuknya dalam melaksanakan amanah dan bersabar terhadap ujian keperitan yang akan diterimanya.
- 4) Turunnya surah Yusuf secara keseluruhannya merupakan bukti kenabian Muhammad SAW, kerana Nabi SAW seorang yang buta huruf, tidak pandai membaca atau menulis, namun Baginda memberitahu orang ramai tentang kisah Nabi Allah, Yusuf, yang beritanya tidak diketahui oleh orang Arab. Dan diriwayatkan dalam kitab-kitab tafsir bahawa orang Yahudi mengatakan; “Tanyalah Muhammad kenapa keluarga Ya’qub berpindah dari Syam ke Mesir, dan tanyalah tentang kisah Yusuf”, maka Allah SWT menurunkan Surah Yusuf, sesuai dengan apa yang ada di dalam Taurat, dan lebih terperinci lagi berbanding perkara yang tidak terdapat dalam Taurat, terbuhtilah ianya merupakan sebuah tanda kenabian.
- 5) Sesungguhnya Al-Quran sangat mementingkan gaya penceritaan, ini kerana penceritaan kisah-kisah tersebut memberi impak yang besar kepada amal dan dakwah, pendidikan atau tarbiyah, serta jihad di jalan Allah. Oleh itu kita dapati setelah para ulama mengkaji tentang perkara ini, mereka mengatakan bahawa satu pertiga dari al-Quran adalah kisah-kisah al-Quran.

7. CADANGAN

Kajian menyarankan para ulama dan pendakwah untuk memberi lebih perhatian terhadap kisah-kisah al-Quran, secara deduksi dan kajian, khususnya surah Yusuf, di samping surah-surah yang lain, kerana masih terdapat aspek yang perlu untuk dikaji dan diekstrak pengajarannya serta perlu dikaitkan dengan realiti semasa agar para pendakwah yang baru boleh mengambil manfaat dan digunakan dalam dakwah mereka, serta boleh dimanfaatkan oleh para pendidik. Ianya telah dibuktikan oleh para ulama secara kajian bahawa kisah-kisah al-Quran mendominasi sepertiga Al-Quran.

RUJUKAN

Al-Quran

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail bin Ibrahim. (1987). *Al-Jami' as Sahih al Mukhtasar*. Tahqiq: Dr. Mustafa ad Dib al Bugha. Beirut: Dar Ibn Kathir, al-Yamamah, cetakan ketiga.

- Ali al-Hanbali, Abu Hafs Umar. (1998). *Al-Lubab fi ulum al-Kitab*. Tahqiq: Syeikh Adil Ahmad Abdul Maujud. Beirut, Lubnan: Dar al Kutub al Ilmiyah, cetakan pertama.
- Ali Redha, Muhammad Rasyid. (1990). *Tafsir al-Manar*. Tahqiq: Ahmad Muhammad Syakir, Kaherah: al-Haiah al-Masriyah al-Ammah lil Kitab, cetakan pertama.
- Al-Qurtubi, Abu Abdillah Muhammad. (2006). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran lima tadhammanhu min as-Sunnah wa al-Furqan*. Tahqiq: Dr. Abdullah bin Abdul Muhsin at-Turki. Beirut, Lubnan: Muassasah ar Risalah, cetakan pertama.
- An-Nawawi, Abu Zakariya Yahya bin Syaraf. (1972/1392H). *Syarh an-Nawawi ala Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Arabi, cetakan kedua.
- As-Syanqiti, Muhammad al Amin bin Muhammad al Mukhtar. (1998). *Adhwa' al-Bayan fi Idhah al-Quran bi al-Quran*. Beirut, Lubnan: Dar al Fikr, cetakan pertama.
- At-Tabari, Muhammad bin Jarir. (2000). *Jami' al-Bayan fi ta'wil al-Quran*. Tahqiq: Ahmad Muhammad Syakir. Beirut, Lubnan: Muassasah ar Risalah, cetakan pertama.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abi Bakr bin Ayub. (1975). *Ighatsah al-Luhfan min Maqasid as-Syaitan*. Tahqiq: Muhammad Hamid al-Fikki. Beirut, Lubnan: Dar al Ma'rifah, cetakan kedua.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abi Bakr bin Ayub. (1989/1410H). *At-Tafsir al-Qayyim*. Tahqiq: Ibrahim Ramadhan. Beirut, Lubnan: Dar al Hilal, cetakan pertama.
- Ibn Asyur, Muhammad at Tohir bin Muhammad bin Muhammad. (1984). *At-Tahrir wa at-Tanwir*. Tunisia: Ad-Dar at-Tunisiah, cetakan pertama.
- Ibn Hajar al-Asqalani, Abu al-Fadhl Ahmad bin Ali bin Ahmad. (1959/1379H). *Fathul Bari*. Tahqiq: Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz. Beirut, Lubnan: Dar al Fikr.
- Ibn Juzai al-Maliki, Abu al Qasim Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Abdullah (1995/1416H). *At-Tashil li ulum at-Tanzil*. Tahqiq: Dr Abdullah al Khalidi. Beirut, Lubnan: Dar al Arqam bin Abi al Arqam, cetakan pertama.
- Ibn Kathir, Imaduddin Abu al-Fida' Ismail bin Kathir. (2000). *Tafsir al-Quran al-Azhim*. Tahqiq: Syeikh Mustafa Said Muhammad. Giza, Mesir: Muassasah Qurtuba, cetakan pertama.
- Muslim, Abu Al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi an-Naisaburi. (1915/1334H). *Al-Musnad as-Sahih al-Mukhtasar min as-Sunan binaql al-Adl an al-Adli ila Rasulillah*. Tahqiq: Sekumpulan Para Muhaqiq. Beirut: Dar al-Jiil.

Hassan Suleimān (Corresponding author)
Jabatan Fikah dan Usul Fikah
Fakulti Abdulhamid Abū Sulayman Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Jln Gombak, 53100 Kuala Lumpur, MALAYSIA
Email: abuxzubair@iium.edu.my

Fātimah Binti Karīm
Jabatan Fikah dan Usul Fikah
Fakulti Abdulhamid Abū Sulayman Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Jln Gombak, 53100 Kuala Lumpur, MALAYSIA
Email: fatimahkarim@iium.edu.my